

19 APR 2001

Fong-Kilang

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA SIASAT PENUTUPAN KILANG MNC DI MALAYSIA

BUKIT MERTA JAM, 19 April (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia akan menyiasat keputusan penutupan operasi syarikat multinasional (MNC) di negara ini untuk memastikan sama ada ia dipengaruhi oleh faktor kewarganegaraan.

Menterinya Datuk Dr Fong Chan Onn berkata adalah tidak adil sekiranya keputusan menutup operasi sesebuah MNC di negara ini dibuat berdasarkan status kewarganegaraan.

Katanya beliau tidak mengetahui sama ada keputusan itu mempunyai kaitan dengan perkara itu tetapi berharap ia tidak dipengaruhi oleh faktor kewarganegaraan.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Institut Teknikal Jepun- Malaysia (JMTi) di sini, beliau yakin keputusan MNC beroperasi atau tidak dibuat berdasarkan kepada faktor keuntungan dan daya maju operasinya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan internet yang mendakwa penutupan operasi sebuah syarikat MNC di Pulau Pinang dibuat oleh pihak pengurusan yang diketuai oleh warganegara asing, yang bertujuan menjaga kepentingan negaranya.

Fong berkata ini merupakan kali pertama perkara seumpama itu dibawa kepada pengetahuannya dan menegaskan bahawa siasatan akan dijalankan untuk memastikan kesahihan dakwaan itu.

Beliau juga berkata kerajaan bertanggungjawab melindungi pekerja di negara ini dan memastikan sektor perkilangan sentiasa berdaya saing tetapi ia bergantung kepada produktiviti pekerja.

Terdahulu Fong berkata kementerian akan meningkatkan latihan dan pengambilan pelatih dalam bidang ICT untuk memastikan pekerja negara ini diiktiraf sebagai pekerja berpengetahuan.

Katanya sejak program perhimpunan literasi ICT dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Februari lepas, sebanyak 7,500 orang mendapat manfaat daripadanya dan berharap jumlah itu akan meningkat pada masa akan datang.

"Dengan meluaskan program pengambilan pelatih, kementerian dapat meningkatkan tahap produktiviti negara supaya lebih kompetitif," katanya.

Hari ini, JMTi mengadakan sesi pengenalan ICT kepada masyarakat tempatan dan pekerja atau orang ramai yang berminat mempelajarinya boleh datang ke institut itu pada setiap hujung minggu.

Program perhimpunan literasi ICT diadakan di negeri-negeri dengan yang terakhir di Sabah pada 28 April ini.

-- BERNAMA

ZU NAK